

15 NOV 2000

Kyrgyz-Lawatan

PM KYRGYZ AKAN LAWAT MALAYSIA MULAI JUMAAT

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Republik Kyrgyz Amangeldi Muraliev dijadual tiba Jumaat ini bagi memulakan lawatan seminggu ke Malaysia.

Kementerian Luar dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata pemimpin Kyrgyz itu akan diiringi isterinya Elmira Temirbekova, Menteri Luar Imanaliev Muratbek, Pengerusi Jawatankuasa negara mengenai Pelaburan Asing dan Pembangunan Ekonomi, U. Isayev, 31 pegawai serta delegasi perniagaan.

Lawatan itu adalah atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata kenyataan itu.

"Hubungan antara Malaysia dan Republik Kyrgyz semakin meningkat sejak terjalannya hubungan diplomatik antara kedua-dua negara berkenaan," kata kenyataan itu.

Lawatan itu bertujuan meningkatkan lagi hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir dan Muraliev dijadual menghadiri mesyuarat delegasi kedua-dua pihak pada Jumaat. Empat perjanjian akan ditandatangani pada mesyuarat itu, katanya.

Perjanjian itu adalah bagi mengelak cukai berganda, perkhidmatan udara, kerjasama pelancongan dan dalam bidang sains dan teknologi dengan Sirim Bhd.

Muraliev akan merasmikan seminar mengenai pelaburan di Republik Kyrgyz pada Sabtu.

Beliau dijadual melawat Institut Sistem Mikro Elektronik Malaysia (Mimos) dan juga Melaka. Pemimpin republik itu juga dijadual menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 dari 19 Nov hingga 22 Nov.

Sempena lawatan itu, mesyuarat ketiga suruhanjaya bersama Malaysia-Republik Kyrgyz akan berlangsung pada 20 Nov hingga 21 Nov, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

SR ES LAT